

# 20,000 buku musnah akibat banjir

**KEMAMAN** - Bencana banjir yang melanda daerah ini disifatkan kejadian terburuk dalam tempoh 40 tahun hingga mengakibatkan kira-kira 20,000 buku pelbagai genre dari tiga perpustakaan desa, termasuk peralatan lain seperti rak dan almari, musnah.

Pegawai Perpustakaan Awam Daerah Kemaman, Kamarudin Ismail berkata, secara keseluruhan, terdapat lima perpustakaan desa yang berada di bawah Perpustakaan Negara telah dinaiki air.

Bagaimanapun katanya, daripada jumlah itu, hanya tiga perpustakaan mengalami kerosakan agak besar, iaitu di Kampung Air Putih, Kampung Fikri dan Kampung Seberang Taylor.

"Dua lagi perpustakaan desa yang turut dinaiki air di Kampung Pasir Gajah dan Kampung Paya Berenjut tidak mengalami kerosakan teruk.

"Dianggarkan, sekitar 20,000 buku mengalami kerosakan. Jumlah sebenar masih belum diketahui kerana buat masa ini, kerja-kerja pembersihan masih rancak dilaksanakan," katanya.

Kamarudin berkata, semua buku yang rosak itu akan dilupuskan apabila mendapat kelulusan jawatankuasa berkaitan.

Menurutnya, semua perpustakaan terlibat akan beroperasi semula pada awal tahun hadapan bagi menyelesaikan semua kerja dan proses berkaitan terlebih dahulu.

"Kehadiran sukarelawan membantu membersihkan perpustakaan desa terlibat banjir membuktikan



keprihatinan dan cakna semua. Antara pihak terlibat ialah GiatMara, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Kolej Bestari," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Gotong-ro-yong Membersihkan Perpustakaan Desa Kampung Seberang

Taylor, di sini, kelmarin, melibatkan sukarelawan dari UCB serta Pejabat Belia dan Sukan Negeri Johor.

Pada program sama, kakitangan Usim turut bergotong-ro-yong membersihkan Perpustakaan Desa Kampung Air Putih dan Sekolah Kebangsaan Air Puteh, manakala warga GiatMara pula berganding bahu di Perpustakaan Desa Kampung Fikri.



Sebahagian daripada peralatan sekolah yang terjejas akibat banjir di Sekolah Kebangsaan Pusat di sini, semalam.